



Siaran Akhbar

REDTONE IOT DAN UNIFIED INBOX BERGABUNG UNTUK MENGINTEGRASIKAN PERANTI IOT DENGAN MEDIA SOSIAL

Keupayaan Unified Inbox IoT Messaging akan diintegrasikan ke dalam CitiSense Smart City IoT, sebuah platform yang dibangunkan oleh REDtone IOT bagi meningkatkan keselamatan, keberkesanan serta daya tahan bandar

Kuala Lumpur, Selasa (26 Julai 2016) – REDtone IOT Sdn Bhd (REDtone IOT) dan Unified Inbox Pte Ltd (Unified Inbox) sedang bekerjasama untuk mengintegrasikan sebuah penyelesaian IoT bandar pintar oleh REDtone IOT yang dipanggil CitiSense dengan keupayaan UnificationEngine™ IoT Messaging Unified Inbox bagi membolehkan produk dan perisian berkomunikasi dengan orang ramai dan peranti.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif REDtone IOT, Dr Mazlan Abbas, kerjasama ini bertujuan untuk memperkayakan platform CitiSense dengan keupayaan bandar pintar / negara pintar Internet of Things (IoT) yang bakal meningkatkan keselamatan, keberkesanan serta daya tahan sesebuah bandar.

"Tumpuan inovasi paling menarik yang dipacu oleh IoT kini adalah untuk bandar dan kerajaan pintar. Beberapa aplikasi inovatif IoT Messaging bagi kerajaan di Asia ialah dengan menggunakan teknologi berasaskan platform hebatan kecemasan SHOUT oleh Unified Inbox untuk misi komunikasi kritikal.

"Ini adalah contoh baik bagaimana kerjasama antara Unified Inbox dan REDtone IOT boleh membantu menjadikan bandar lebih selamat dan tenteram untuk penduduk dan pengunjung," kata Dr Mazlan dalam satu kenyataan kepada media.

REDtone IOT menghubungkan peranti dan mengumpulkan data ke awan (*cloud*), seterusnya dapat merubah sesebuah perniagaan dan kerajaan dengan menganalisa data yang terkumpul. Syarikat tersebut yang merupakan anak syarikat REDtone International Bhd, baru-baru ini telah

memenangi anugerah 2016 Frost & Sullivan Malaysia Innovative Smart City Solution Provider of the Year.


Ketua Pegawai Eksekutif Unified Inbox Toby Ruckert bersetuju dengan kenyataan Dr Mazlan bahawa penyelesaian IOT Messaging hasil kerjasama tersebut mampu menjadikan bandar lebih selamat. "Integrasi ini akan meningkatkan keselamatan, keberkesanan serta daya tahan bandar merentasi Asia dan seluruh dunia. Para penduduk dan pengunjung akan berupaya untuk berkomunikasi dengan pelbagai peranti menerusi saluran komunikasi yang sering digunakan termasuk e-mel, SMS, media sosial, aplikasi mesej dan sebagainya."

"REDtone IOT adalah peneraju teknologi IoT bandar pintar di Asia dan merupakan rakan kongsi penting kepada Unified Inbox. Mengintegrasikan platform IoT milik REDtone IOT dengan platform IoT Messaging milik Unified Inbox akan membolehkan orang ramai untuk berkomunikasi dengan kerajaan tempatan dan pusat menerusi saluran yang sering digunakan, sama seperti menghubungi sesiapa sahaja dalam senarai hubungan telefon pintar mereka," kata Ruckert.


Tambah beliau, "SHOUT memenuhi keperluan keselamatan dan perlindungan institusi awam yang memerlukan keupayaan untuk menyampaikan siaran kecemasan menerusi pelbagai saluran mengikut permintaan. Sasaran pengguna termasuk agensi kerajaan pusat dan tempatan, pihak berkuasa pengangkutan, sekolah dan universiti. Institusi swasta seperti hotel dan pusat peranginan, taman tema, pusat persidangan dan kampus korporat besar juga boleh menggunakan SHOUT yang dapat memberi keupayaan komunikasi misi kritikal."

Dr Mazlan mengakhiri, "Amat menyedihkan, setiap hari di seluruh dunia terdapat kehilangan nyawa disebabkan bencana alam dan perbuatan manusia. Daripada tsunami ke serangan pengganas, gempa bumi ke tumpahan minyak, SHOUT membolehkan kerajaan, sekolah dan institusi menyebarkan mesej kecemasan secara mudah menerusi semua saluran komunikasi. Bayangkan satu hari apabila peranti IOT mampu menyelamatkan jutaan nyawa menerusi media sosial."

Ilustrasi Penyelesaian RIOT/UIB



Situasi Sebenar : Sampah Di Jalanan





Dr Mazlan Abbas, CEO of REDtone IOT (left) with Toby Ruckert, CEO of Unified Inbox (right)

Mengenai REDtone International Berhad

REDtone International Berhad adalah subsidiari Berjaya Corporation Berhad. Tersenarai di Bursa Malaysia, REDtone ialah peneraju penyedia infrastruktur dan perkhidmatan digital. Sebuah jenama tempatan yang dihormati sejak penubuhannya pada 1996, REDtone telah berubah daripada penyedia perkhidmatan suara kepada syarikat yang memberikan pelbagai perkhidmatan dalam tiga kategori: (i) **perkhidmatan telekomunikasi** – ia menyediakan perkhidmatan suara dan data kepada kerajaan, perusahaan awam dan SME. REDtone adalah satu-satunya penyedia perkhidmatan yang mempunyai kepakaran integrasi infrastruktur. Capaianya terhadap teknologi pada peringkat komuniti turut membolehkannya menyediakan perkhidmatan jalur lebar atas permintaan. (ii) **perkhidmatan rangkaian telekomunikasi terurus** – ini termasuk membangunkan, menyelia dan menjalankan operasi skala besar hotspot WiFi, stesen utama dan infrastruktur fiber. (iii) **perkhidmatan digital industri** – ia menawarkan perkhidmatan pusat data, Internet of Things (IoT), perkhidmatan awan dan aplikasi serta penyelesaian kesihatan kepada syarikat, kerajaan dan industri kesihatan.

Selain Malaysia, REDtone beroperasi di Shanghai, China dibawah REDtone Asia Inc, sebuah syarikat yang tersenarai di OTC Bulletin Board US. Perniagaan utamanya ialah perkhidmatan panggilan kadar murah dan tambah nilai.

Komitmen REDtone dalam R&D telah menghasilkan inovasi teknologi yang berjaya memenangi lebih 22 anugerah di Malaysia dan luar negara bagi syarikat berstatus Multimedia Super Corridor (MSC) ini. Ia kini mempunyai lapan paten yang menunggu kelulusan untuk teknologinya. Untuk maklumat lanjut, layari www.redtone.com

Mengenai Unified Inbox

Unified Inbox Pte Ltd (<http://unifiedinbox.com>) ialah syarikat perisian dan perkhidmatan berdasarkan awan yang bersifat global. Dengan operasi di Singapura, New Zealand, India, Eropah dan AS, kami mempunyai unit perniagaan yang menjual penyelesaian kepada Internet of Things (IoT), penerbitan media sosial, dan analisis komunikasi bersepadu. Kami membangunkan penyelesaian kognitif untuk industri automotif dan lain-lain, peranti boleh pakai untuk kanak-kanak, warga emas dan haiwan; produk mesej Kecerdasan Buatan (AI) untuk perniagaan dan konsumen.

Infrastruktur bahagian belakang terpaten kami, UnificationEngine™ (<http://unificationengine.com>) – platform Unified Communications as a Service (UCaaS) tersulit hujung ke hujung yang pertama – adalah Internet of Communications untuk IoT.

UnificationEngine membolehkan aplikasi, peranti dan perkakasan untuk berkomunikasi dengan manusia dan peranti lain dalam saluran komunikasi sedia ada. Ia memberi penyelesaian segera kepada permasalahan mengintegrasikan komunikasi luar dan dalam yang lebih cepat, mudah dan murah kepada pembangun dan pengeluar IoT.

Penyelesaian global Unified Inbox memperkasakan manusia, perniagaan dan peranti untuk berkomunikasi dengan mudah.

Dikeluarkan oleh: Nexus PR Sdn Bhd
Bagi pihak: REDtone International Bhd

Untuk maklumat lanjut, hubungi BG Tay di: (03) 7725 1908 atau 012-202 5898; e-mel: bg5898@gmail.com

Untuk maklumat lanjut mengenai Unified Inbox, layari unifiedinbox.pr.co dan hubungi Ken Herron di Unified Inbox +1 973-223-1439; e-mel: ken.herron@unifiedinbox.com